



## ANTI-BRIBERY & ANTI-CORRUPTION POLICY STATEMENT

Boustead Holdings Berhad and our subsidiary companies (hereafter referred to collectively as Boustead Group) strive to prevent bribery and corruption and uphold the highest standards of integrity, accountability and professionalism in the conduct of our businesses.

Boustead Group is committed to:

- **Complying with the provisions of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694) and the applicable laws by inculcating integrity, transparency and accountability in all aspects of business;**
- **Prohibiting employees from soliciting, accepting, offering bribes and committing any form of corruption;**
- **Ensuring all employees and business associates adhere to this Anti-Bribery & Anti-Corruption Policy and the related procedures set out by the Anti-Bribery Management System, and making efforts to continually improve the system; and**
- **Promoting a culture of integrity by providing channels for reporting of any suspected acts of corruption and improper conducts in line with Boustead Group's Whistleblowing Policy.**

Group Integrity & Governance is responsible for monitoring compliance with the Anti-Bribery Management System and reporting to the Board of Directors.

Board of Directors, employees and business associates are expected to read, understand and adhere to the Boustead Group Anti-Bribery & Anti-Corruption related policies. Non-compliance with and violation of these policies by an employee or business associate may result in action taken by Boustead Group in accordance with its policies, procedures, directives and guidelines and/or initiation of legal proceedings.

**DATO' AHMAD NAZIM ABD RAHMAN**  
Executive Chairman

**Boustead Holdings Berhad**

**1 November 2023**



## PERNYATAAN POLISI ANTI-RASUAH & ANTI-KORUPSI

Boustead Holdings Berhad dan anak-anak syarikat kami (seterusnya dirujuk sebagai Kumpulan Boustead) berusaha untuk mencegah rasuah dan korupsi serta menegakkan taraf tertinggi integriti, tanggungjawab dan profesionalisme dalam urusan perniagaan kami.

Kumpulan Boustead komited dalam:

- **Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang yang berkaitan dengan menerapkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua aspek perniagaan;**
- **Melarang para pekerja dari meminta, menerima dan menawarkan rasuah atau melakukan sebarang bentuk salah laku penyelewengan;**
- **Memastikan semua pekerja dan rakan niaga mematuhi Polisi Anti-Rasuah & Anti-Korupsi serta prosedur-prosedur berkaitan seperti yang digariskan dalam Sistem Pengurusan Anti-Rasuah, dan berusaha untuk menambah baik sistem secara berterusan; dan**
- **Menggalakkan budaya integriti dengan menyediakan saluran bagi laporan-laporan perlakuan rasuah dan salah laku, selaras dengan Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan Boustead.**

Jabatan Integriti & Governans Kumpulan bertanggungjawab untuk memantau kepatuhan kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan memberi laporan kepada Lembaga Pengarah.

Ahli Lembaga Pengarah, warga kerja dan rakan niaga mempunyai kewajipan untuk membaca, memahami dan mematuhi polisi-polisi berkaitan Anti-Rasuah & Anti-Korupsi Kumpulan Boustead. Ketidakpatuhan dan pelanggaran polisi-polisi berkenaan oleh pekerja atau rakan niaga boleh mengakibatkan tindakan diambil oleh Kumpulan Boustead sejajar dengan polisi, prosedur, arahan dan garis panduannya dan/atau dikenakan tindakan undang-undang.

**DATO' AHMAD NAZIM ABD RAHMAN**  
Pengerusi Eksekutif

**Boustead Holdings Berhad**

**1 November 2023**